

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK WEE JECK SENG
(TANJONG PIAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 04.11.2015

Y.B. DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang dibuat bagi memastikan para peniaga memansuhkan cukai SST 10% dan hanya mengenakan cukai GST 6% kepada pengguna oleh kerana banyak aduan yang dibuat masih menggambarkan cukai SST 10% dikenakan sekali dengan cukai GST 6% berdasarkan harga barangan yang menjadi sebegitu mahal bila ditambah dengan cukai GST 6%.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan pelaksanaan GST mulai 1 April 2015, cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) telah

dimansuhkan sepenuhnya.

Bagi memastikan peniaga melaksanakan GST dan memansuhkan SST, Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah berikut:

- i. Menyediakan kemudahan tuntutan bayaran balik khas cukai jualan (special refund). Kemudahan ini disediakan supaya peniaga mengeluarkan elemen cukai jualan daripada sesuatu barangan tersebut bagi mengelakkan kenaan cukai dua kali (GST dan cukai jualan); dan
- ii. Menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 yang ditadbir oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk mengawal peniaga daripada mengambil kesempatan menaikkan harga dan mengambil untung secara berlebihan.

Sehingga 26 Oktober 2015, sebanyak 134 kertas siasatan telah dibuka bagi kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 iaitu 87 kertas siasatan di bawah Seksyen 14(1) kerana mencatut, 43 kertas siasatan di bawah Seksyen 21(5) kerana enggan atau gagal

memberi maklum balas kepada notis yang dikeluarkan dan 4 kertas siasatan di bawah Seksyen 53A kerana tidak menyimpan rekod perniagaan.

Daripada jumlah ini, sejumlah 14 kertas telah didakwa di Mahkamah Khas Antipencatutan iaitu 12 kes telah disabit kesalahan, di mana 12 kes telah disabit kesalahan masing-masing, 7 kes di bawah Seksyen 21(5) dan 5 kes di bawah Seksyen 14(1) dengan jumlah keseluruhan denda RM365,500. Sebanyak 2 kes lagi yang telah dituduh dan masih dalam tindakan pendakwaan di Mahkamah. Sebanyak 13 kes telah dikompaun iaitu masing-masing 10 kes di bawah Seksyen 14(1) dan 3 kes di bawah Seksyen 21(5) AKHAP 2011 dengan jumlah keseluruhan kompaun RM535,000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perubahan harga selepas pelaksanaan GST adalah seperti yang diunjurkan iaitu sebahagian mengalami kenaikan, sebahagian mengalami penurunan manakala ada yang tidak berubah. Namun demikian, perubahan ini tidak hanya semata-mata dipengaruhi oleh faktor GST sahaja tetapi juga disebabkan oleh

faktor-faktor lain seperti permintaan dan penawaran, kadar tukaran mata wang asing, perubahan dalam kos pengeluaran termasuk upah/gaji dan pengangkutan.